



**KEMENTERIAN PEMBANGUNAN
USAHAWAN DAN KOPERASI**
MINISTRY OF ENTREPRENEUR DEVELOPMENT AND COOPERATIVES

**PANDUAN PENGIKTIRAFAN SIJIL TARAF BUMIPUTERA BAGI
PEROLEHAN KERJA KERAJAAN**

**PUSAT KHIDMAT KONTRAKTOR
KEMENTERIAN PEMBANGUNAN USAHAWAN DAN KOPERASI**

Pengarah
Pusat Khidmat Kontraktor
Kementerian Pembangunan Usahawan dan Koperasi
Aras 5, Blok Menara, Menara Usahawan
No. 18, Persiaran Perdana, Presint 2
62652 Putrajaya

No. Tel : **03- 8880 5202**
No. Faks : **03- 8880 5204**

1. LATAR BELAKANG

- Panduan ini adalah sebagai penerangan kepada kontraktor kerja berkaitan dasar dan tatacara permohonan pengiktirafan taraf Bumiputera bagi perolehan Kerajaan.
- Pengiktirafan ini adalah selaras dengan dasar agihan kerja oleh Kerajaan bagi pembangunan Bumiputera di Malaysia melalui Pekeliling Perbendaharaan. Perolehan Kerajaan 1.1, Perkara 6 (iv). Oleh yang demikian, syarikat pemohon perlulah memenuhi syarat yang telah ditetapkan bagi melayakkan syarikat mendapat pengiktirafan Bumiputera.
- Usaha ini juga adalah bagi memastikan kontraktor Bumiputera yang menjalankan projek-projek Kerajaan adalah kontraktor Bumiputera yang tulen dan aktif serta memenuhi syarat-syarat yang digariskan dalam perolehan Kerajaan.
- Bagi maksud panduan ini, syarikat dirujuk sebagai Syarikat/ Perniagaan/ Pertubuhan/ Koperasi/ Persatuan/ Individu atau semua entiti yang diperbadankan/ didaftarkan di Malaysia.
- Semua permohonan hendaklah dibuat secara atas talian melalui Sistem CIMS di laman sesawang cims.cidb.gov.my.
- Bagi memenuhi hasrat pihak Kerajaan untuk melahirkan entiti perniagaan yang celik ICT, adalah disarankan agar **permohonan pengiktirafan penarafan Bumiputera dilakukan sendiri oleh syarikat seterusnya meningkatkan keselamatan maklumat, integriti dan urus tadbir korporat.**
- Permohonan pengiktirafan taraf Bumiputera adalah perkhidmatan yang ditawarkan **secara percuma tanpa sebarang caj.**
- Pusat Khidmat Kontraktor (PKK) adalah tidak bertanggungjawab ke atas apa-apa kerugian kepada syarikat melalui penggunaan cims.cidb.gov.my.
- Kelulusan pengiktirafan penarafan ini tidak mengikat Kerajaan dan PKK untuk menawarkan sebarang perolehan Kerajaan kepada syarikat.
- Syarikat juga boleh dikenakan tindakan tatatertib bagi pelanggaran syarat pengiktirafan Bumiputera dan perolehan Kerajaan.
- Syarikat diingatkan perbuatan atau percubaan untuk menawarkan atau memberi sesuatu suapan secara rasuah kepada dan daripada mana-mana individu berkaitan perolehan Kerajaan merupakan suatu kesalahan jenayah di bawah Akta Suruhanjaya Pencegahan Rasuah Malaysia 2009 (Akta 694).

2. PERMOHONAN PENGIKTIRAFAN TARAF BUMIPUTERA

Semua permohonan pengiktirafan penarafan Bumiputera untuk melayakkan syarat memperolehi Sijil Taraf Bumiputera (STB) hendaklah dibuat secara atas talian melalui Sistem CIMS di laman sesawang cims.cidb.gov.my. Permohonan bagi mendapatkan STB perlulah dilakukan selepas syarikat berjaya memperolehi atau memperbaharui Perakuan Pendaftaran Syarikat (PPK) dan Sijil Perolehan Kerja Kerajaan (SPKK) daripada Lembaga Pembangunan Industri Pembinaan (CIDB). Jenis-jenis permohonan pendaftaran adalah seperti berikut:

a) Permohonan Baru

Permohonan Baru adalah permohonan kali pertama bagi syarikat yang ingin mendapatkan STB. Sekiranya syarikat mendapat kelulusan, tempoh sah laku STB adalah tertakluk kepada tarikh yang tertera dalam sijil maya yang boleh dicetak sendiri oleh syarikat melalui Sistem CIMS.

b) Pembaharuan

Pembaharuan adalah permohonan yang telah berdaftar dengan dengan PPK sama ada masih dalam tempoh sah laku atau telah tamat tempoh. **Semua syarikat yang telah mendapat penarafan Bumiputera perlu menghadiri kursus anjuran PPK sekurang-nya sekurang sekali dalam tempoh sah laku STB bagi melayakkan syarikat melakukan pembaharuan berikutnya.**

c) Perubahan Maklumat

Perubahan maklumat adalah permohonan untuk membuat pindaan terhadap maklumat syarikat secara atas talian seperti perubahan gred, pertukaran alamat berdaftar, pemilik, pemegang ekuiti, ahli lembaga pengarah, penandatanganan cek dan penama dalam sijil SPKK. Bagi perubahan alamat operasi syarikat boleh dibuat melalui perubahan di dalam profail syarikat.

Dokumen sokongan yang lengkap adalah diperlukan bagi memproses permohonan syarikat yang dikemukakan secara atas talian melalui Sistem CIMS. Dokumen-dokumen sokongan yang diperlukan adalah mengikut jenis permohonan yang dibuat seperti di **Lampiran B**.

PPK boleh mendapatkan dokumen sokongan yang berkaitan kepada pemohon sekiranya maklumat lanjut diperlukan daripada pihak syarikat melalui panggilan telefon ataupun surat penolakan melalui Sistem CIMS.

Kesemua dokumen sokongan yang perlu dimuat naik hendaklah **terkini dalam tahun semasa daripada tarikh permohonan dibuat**. Syarikat adalah bertanggungjawab untuk mengemukakan maklumat dan dokumen yang sah bagi melancarkan proses kelulusan.

3. SYARAT-SYARAT PENGIKTIRAFAN TARAF BUMIPUTERA PKK

3.1 SYARAT-SYARAT AM

- Pengiktirafan STB oleh PKK ini dikeluarkan setelah syarikat berjaya memperbaharui PPK dan SPKK daripada CIDB;
- Pengiktirafan taraf Bumiputera ini tertakluk kepada maklumat-maklumat yang telah dikemukakan oleh syarikat;
- Syarikat wajib mengemukakan sebarang perubahan maklumat kepada PKK melalui Sistem CIMS. Sila ambil maklum bahawa permohonan perubahan maklumat di PKK hanya akan diterima dan diproses setelah syarikat membuat perubahan maklumat di CIDB terlebih dahulu; dan
- Syarikat bebas dari sabitan tindakan tatatertib atau mahkamah semasa mengemukakan permohonan.

3.2 SYARAT-SYARAT MUTLAK

- Syarikat hendaklah sentiasa menjamin pada setiap masa memenuhi syarat-syarat pengiktirafan Taraf Bumiputera seperti berikut:-
 - (a) Sekurang-kurangnya 51% pemilikan saham individu Bumiputera hendaklah melebihi saham individu Bukan Bumiputera bagi Gred G2 hingga G7 manakala 100% bagi Gred G1;
 - (b) Sekurang-kurangnya 51% bilangan pemilik saham syarikat adalah melibatkan individu Bumiputera dan melebihi bilangan individu Bukan Bumiputera bagi Gred G2 hingga G7 manakala 100% bagi Gred G1;
 - (c) Sekurang-kurangnya 51% daripada Ahli Lembaga Pengarah dipegang oleh Bumiputera bagi Gred G2 hingga G7 manakala 100% bagi Gred G1;

- (d) Sekiranya majoriti saham syarikat dikuasai oleh syarikat lain, syarikat yang memegang saham majoriti tersebut hendaklah mematuhi syarat (a), (b) dan (c);
- (e) Bagi perniagaan jenis perkongsian, sekurang-kurangnya 51% daripada jumlah individu pemilik saham (di dalam perjanjian perkongsian) dipegang oleh Bumiputera bagi Gred G2 hingga G7 manakala 100% bagi Gred G1;
- (f) Jawatan-jawatan penting (*keypost*) hendaklah sekurang-kurangnya 51% terdiri daripada Bumiputera bagi Gred G2 hingga G7 manakala 100% bagi Gred G1;
- (g) Sekurang-kurangnya 51% daripada pekerja syarikat iaitu kakitangan yang dicarum KWSP hendaklah terdiri daripada Bumiputera bagi Gred G2 hingga G7 manakala 100% bagi Gred G1;
- (h) Pengurusan kewangan yang merangkumi penguasaan dalam syarat penandatanganan cek dan penjamin bagi kelulusan *overdraft facilities* mestilah dikuasai oleh Bumiputera sekurang-kurangnya sebanyak 51% bagi Gred G2 hingga G7 manakala 100% bagi Gred G1;
- (i) Tandatangan cek dan penama dalam sijil mestilah oleh individu yang mempunyai kaitan dengan syarikat sama ada pengarah, pemegang saham atau kakitangan yang dicarum KWSP;
- (j) Syarikat yang baru mendapatkan taraf Bumiputera selepas 1 September 2019, tempoh maksimum pendaftaran dalam Gred G1 adalah selama 12 tahun;
- (k) Syarikat G1 Bumiputera sedia ada sebelum 1 September 2019 dan telah mendaftar melebihi 20 tahun hanya dibenarkan dua (2) kali pembaharuan pendaftaran dengan tempoh sah laku enam (6) tahun;
- (l) Bagi syarikat gred G1 Bumiputera sedia ada yang berdaftar kurang daripada 20 tahun, tempoh maksimum pendaftaran adalah sehingga 26 tahun dari tarikh berdaftar. Selepas tempoh tersebut, syarikat perlu naik ke gred yang lebih tinggi;

- (m) Syarikat adalah dibenarkan untuk turun/ naik gred kecuali turun ke gred G1 Bumiputera;
- (n) Usaha Sama di antara Bumiputera dan Asing adalah dibenarkan yang mana syarikat hendaklah ditubuhkan di Malaysia dan pemilikan ekuiti asing tidak melebihi 30% bagi Gred G2 hingga G7 manakala Gred G1 Bumiputera adalah tidak dibenarkan; dan
- (o) Ahli Lembaga Pengarah, pengurusan dan pekerja hendaklah mengikut peratusan di dalam pemilikan ekuiti yang melibatkan syarikat usaha sama di antara Bumiputera dan Asing.

3.3 PERINGATAN

- PKK berhak membatalkan, menarik balik atau menggantung STB syarikat jika didapati:-
 - (a) Maklumat yang dikemukakan tidak benar atau palsu;
 - (b) Syarikat enggan dan gagal mengemukakan maklumat apabila diminta;
 - (c) Syarikat wajib mematuhi syarat-syarat kelulusan yang telah diberikan dalam tempoh yang ditetapkan seperti hadir kursus anjuran PKK atau sesi lawatan premis; dan
 - (d) Melanggar mana-mana syarat-syarat am/ mutlak yang dikeluarkan oleh PKK dan tertakluk kepada keputusan Pengarah PKK dari semasa ke semasa.
- Sila ambil maklum **permohonan perubahan maklumat yang ditolak** oleh PKK, STB sebelum ini yang dikeluarkan dan masih dalam tempoh sah laku adalah **TERBATAL** dan tidak layak untuk memasuki mana-mana perolehan Kerajaan yang memerlukan STB sebagai syarat perolehan.
- Syarikat yang memohon STB perlulah **meletakkan alamat operasi dan nombor telefon yang boleh dihubungi di dalam profail syarikat melalui Sistem CIMS** untuk membolehkan PKK menghubungi syarikat bagi sesi lawatan premis sebelum kelulusan STB diberikan.

4. LAWATAN PREMIS

Lawatan premis akan dikenakan pada permohonan-permohonan berikut:-

- (a) Permohonan baharu kecuali G1 Bumiputera yang berdaftar mulai 1 September 2019;
- (b) Permohonan perubahan maklumat yang melibatkan pertukaran alamat operasi;
- (c) Permohonan naik gred daripada G1 Bumiputera (berdaftar selepas 1 September 2019) ke gred yang lebih tinggi;
- (d) Permohonan-permohonan yang difikirkan perlu atas sebab keraguan yang munasabah; dan
- (e) Premis perlulah menunjukkan syarikat bergiat aktif dalam menjalankan perniagaan yang dilakukan sesuai dengan gred yang dipohon.

5. PREMIS DAN ALAMAT OPERASI

- (a) Setiap syarikat yang memohon STB yang berdaftar di bawah **Registrar of Business (ROB)** bagi milikan tunggal/ perkongsian melalui **Akta Pendaftaran Perniagaan 1956** dan **Registrar of Companies (ROC)** bagi syarikat **Sdn. Bhd./ Berhad** yang diperbadankan di bawah **Akta Syarikat 1965**, premis hendaklah beroperasi di alamat seperti berikut:
 - i) Alamat berdaftar/ alamat utama perniagaan seperti di daftarkan di Suruhanjaya Syarikat Malaysia (SSM); atau
 - ii) Alamat surat-menyurat; atau
 - iii) Keberadaan (lokaliti) premis syarikat tersebut beroperasi; dan
 - iv) Premis tidak dibenarkan beroperasi di Kwarters Kerajaan.
- (b) Syarikat perlu memastikan alamat syarikat yang diikrarkan perlu selari dengan alamat yang didaftarkan sama ada di dalam pendaftaran SSM, alamat surat-menyurat di dalam pangkalan data Sistem CIMS, alamat beroperasi yang diikrarkan oleh syarikat pada mana-mana lesen operasi yang diperolehi oleh Pihak Berkuasa Tempatan (PBT) atau alamat yang

diikrarkan sendiri oleh syarikat bagi memudahkan urusan lawatan premis diadakan;

- (c) Perkongsian premis perniagaan dengan syarikat **Bumiputera adalah dibenarkan. Perkongsian premis dengan syarikat kontraktor Bumiputera juga dibenarkan tetapi mestilah berlainan gred;**
- (d) Syarikat **tidak dibenarkan berkongsi kakitangan** di dalam premis yang sama; dan
- (e) Perkongsian premis dengan syarikat **Bukan Bumiputera adalah tidak dibenarkan.**

6. PIAGAM PELANGGAN

- (a) Bagi **permohonan baharu** STB tempoh proses bagi mendapatkan kelulusan adalah selama **dua puluh satu (21) hari** dalam tempoh bekerja dan selepas dokumen lengkap diterima. Tempoh ini adalah termasuk lawatan premis yang dijalankan oleh Pegawai PKK;
- (b) Bagi **pembaharuan** dan **perubahan maklumat** STB tempoh proses bagi mendapatkan kelulusan adalah **selama tujuh (7) hari** dalam tempoh bekerja dan selepas dokumen lengkap diterima;
- (c) Bagi **Gred G1 Bumiputera** tempoh proses bagi mendapatkan kelulusan adalah selama **tiga (3) hari** dalam tempoh masa bekerja dan selepas dokumen lengkap diterima bagi permohonan baharu, pembaharuan dan perubahan maklumat; dan
- (d) Bagi permohonan dalam Perkara (b) yang **memerlukan Pegawai PKK menjalankan lawatan premis**, tempoh proses bagi mendapatkan kelulusan adalah selama **dua puluh satu (21) hari** dalam tempoh bekerja dan selepas dokumen lengkap diterima.

CARTA ALIR PERMOHONAN STB

<http://cims.cidb.gov.my/>

1

LOGIN KE DALAM CIMS

Gunakan ID dan Katalaluan yang didaftarkan untuk memohon Perakuan Pendaftaran CIDB. Klik **'Registration'**; pilih **'New STB Registration'** / **'Renewal'** / **'Up date'**

2

PERMOHONAN STB

Pastikan syarikat anda mematuhi syarat-syarat seperti yang dinyatakan.

Lengkapkan permohonan STB:

Masukkan maklumat Bank Akaun dan Penandatanganan cek
Masukkan maklumat syarikat berkenaan iaitu penyata caruman KWSP, Borang A KWSP dan bukti bayaran caruman.

Muatnaik dokumen sokongan wajib untuk permohonan STB seperti yang tertera di dalam **Lampiran B**

3

CETAK SIJIL STB

Permohonan STB akan diproses oleh pihak **PKK**. Keputusan permohonan boleh disemak melalui sistem CIMS. Kontraktor boleh cetak sijil maya STB. Tempoh sah laku sijil STB mengikut tempoh sah laku sijil SPKK semasa.

PERHATIAN : DOKUMEN MANDATORI

SYARIKAT PERLU MEMUAT NAIK DOKUMEN-DOKUMEN MANDATORI SEPERTI YANG DITUNJUKKAN PADA JADUAL DI BAWAH. PIHAK PKK BERHAK MENOLAK PERMOHONAN SYARIKAT JIKA DOKUMEN MANDATORI TIDAK DIMUAT-NAIK. DOKUMEN-DOKUMEN SOKONGAN LAIN BOLEH DIMUAT-NAIK UNTUK MENGUKUHKAN PERMOHONAN SYARIKAT.

PERMOHONAN BAHARU	<ol style="list-style-type: none"> 1. Kad Pengenalan & Surat Beranak/Sijil Kelahiran <ol style="list-style-type: none"> i. Ahli Lembaga Pengarah; ii. Pemegang Ekuiti (individu & individu dalam syarikat pemegang ekuiti); iii. Penandatanganan Cek; dan iv. Penama dalam Sijil. 2. Surat Pengesahan Bank <ul style="list-style-type: none"> • Tahun semasa. 3. E-Info SSM/ Annual Return yang disahkan SSM bagi ekuiti syarikat yang dipegang oleh entiti syarikat * <ul style="list-style-type: none"> • Tahun semasa. 4. Penyata A KWSP <ul style="list-style-type: none"> • Sekiranya Penama dalam Sijil atau Penandatanganan Cek atau kedua-duanya bukan terdiri daripada Ahli Lembaga Pengarah atau Pemegang Ekuiti, penama hendaklah dicarum di bawah syarikat. • Terkini dalam tahun semasa. 5. Carta Organisasi Syarikat 6. Borang Pengakuan Pekerjaan (Sekiranya bekerja dengan Kerajaan) 7. Salinan Perjanjian Perkongsian yang dimeteri setem bagi G2 dan keatas oleh LHDN (sila nyatakan peratusan agihan saham setiap individu)** <ul style="list-style-type: none"> • Bagi syarikat yang mempunyai perkongsian dengan individu Bukan Bumiputera (sila nyatakan peratusan agihan saham setiap individu). 8. Borang B (Lesen perniagaan) * Bagi syarikat yang beroperasi di Sabah. 9. Borang I (Ekstrak perniagaan dan Lesen Perniagaan), Borang CAP 64.*Bagi syarikat yang beroperasi di Sarawak.
------------------------------	--

<p>PERHATIAN : DOKUMEN MANDATORI SYARIKAT PERLU MEMUAT NAIK DOKUMEN-DOKUMEN MANDATORI SEPERTI YANG DITUNJUKKAN PADA JADUAL DI BAWAH. PIHAK PPK BERHAK MENOLAK PERMOHONAN SYARIKAT JIKA DOKUMEN MANDATORI TIDAK DIMUAT-NAIK. DOKUMEN-DOKUMEN SOKONGAN LAIN BOLEH DIMUAT-NAIK UNTUK MENGUKUHKAN PERMOHONAN SYARIKAT.</p>	
PEMBAHARUAN	<ol style="list-style-type: none"> 1. Surat Pengesahan Bank <ul style="list-style-type: none"> • Tahun semasa. 2. E-Info SSM/ Annual Return yang disahkan SSM bagi ekuiti syarikat yang dipegang oleh entiti syarikat* <ul style="list-style-type: none"> • Tahun semasa. 3. Penyata A KWSP <ul style="list-style-type: none"> • Sekiranya Penama dalam Sijil atau Penandatanganan Cek atau kedua-duanya bukan terdiri daripada Ahli Lembaga Pengarah atau Pemegang Ekuiti, penama hendaklah dicarum di bawah syarikat. • Terkini dalam tahun semasa. 4. Sijil Kursus Anjuran PPK
PERUBAHAN MAKLUMAT	Tiada dokumen sokongan yang perlu dilampirkan
<p>Dokumen Tambahan bagi syarikat yang berikut;</p> <p>Syarikat Tersenarai dalam Bursa Malaysia</p> <ul style="list-style-type: none"> • Surat pengesahan Kementerian Perdagangan Antarabangsa dan Industri (MITI) bahawa syarikat layak diberikan taraf <i>Bumiputera Controlled Public Listed Company (BCPLC)</i>. <p>Koperasi/ Pertubuhan/ Persatuan/ Konsortium</p> <ul style="list-style-type: none"> • Perakuan pendaftaran pertubuhan persatuan; atau • Senarai ahli lembaga pengarah dan rumusan milikan ekuiti (minit mesyuarat tahunan). 	

* Sekiranya berkaitan.

** PPK boleh mendapatkan dokumen sokongan yang berkaitan kepada pemohon sekiranya maklumat lanjut diperlukan daripada pihak syarikat melalui panggilan telefon ataupun surat penolakan melalui Sistem CIMS.

AKUAN BERKANUN
BORANG PENGAKUAN PEKERJAAN
(Sekiranya bekerja dengan Kerajaan)

NAMA SYARIKAT : _____
NO. PENDAFTARAN CIDB : _____

Nota: Hendaklah diisi oleh SEMUA AHLI LEMBAGA PENGARAH, PEMEGANG EKUITI, PENANDATANGAN CEK DAN PENAMA DALAM SIJIL. (Sila buat Salinan borang ini jika tidak mencukupi).

* Baca dengan teliti dan potong mana-mana yang berkenaan.
Pilih dan potong sama ada *a) atau *b) dan tandatangan ringkas di hujungnya.

1. Saya,No. K/P Baru / Lama
..... **MENGAKU SECARA BERSUMPAH** dengan sebenarnya pada masa ini,

*a) Saya tidak bekerja dengan mana-mana Jabatan Kerajaan / Agensi Kerajaan / Badan Berkanun / Syarikat swasta lain dan bukan penuntut, kecuali syarikat kontraktor seperti berikut :

Nama Syarikat & Alamat : _____
Jawatan : _____

*b) Saya bekerja dengan *Jabatan Kerajaan / Agensi Kerajaan / Badan Berkanun iaitu :

Nama Jabatan / Majikan / Syarikat : _____
Jawatan : _____ Mulai / Sejak : _____

2. Saya membuat pengakuan ini dengan sesungguhnya adalah benar dan menurut peruntukan Akta Berkanun 1960.

(Tandatangan)
Ditandatangani dan diakui dengan
sesungguhnya oleh yang bernama
Di atas
Bertarikh

Di hadapan saya.

Pesuruhannya Sumpah (Nama dan Cop)

SURAT PENGESAHAN BANK

(Wajib Diisi)

Pengarah
Pusat Khidmat Kontraktor (PKK)
Kementerian Pembangunan Usahawan dan Koperasi (MEDAC)

Tuan/Puan,

NAMA BANK : _____
NO. AKAUN SEMASA/ AKAUN SIMPANAN : _____
*potong mana yang tidak berkenaan
NAMA SYARIKAT : _____

ADALAH DISAHKAN PENAMA-PENAMA BERIKUT YANG DIBERI KUASA UNTUK MENANDATANGANI/MENGURUS CEK-CEK SYARIKAT BAGI AKAUN YANG DINAMAKAN DI ATAS. (Sekiranya syarikat menggunakan kemudahan Buku Cek)

BIL	NAMA	NO. K/P	TANDATANGAN

SYARAT-SYARAT PENANDATANGAN CEK: _____

(WAJIB DINYATAKAN SYARAT PENANDATANGAN CEK)

Disahkan oleh pihak bank:

NAMA : _____
JAWATAN : _____
COP : _____
TARIKH : _____

CATATAN:

Surat ini hendaklah disempurnakan dan disahkan oleh bank berkenaan. Jika lebih dari satu akaun bank, sila buat salinan. Pengisytiharan yang bercanggah dengan semakan PKK berhubung dengan maklumat perbankan syarikat akan menyebabkan permohonan syarikat tidak akan dipertimbangkan. Segala maklumat perbankan adalah sulit dan dalam kawalan PKK.

Untuk maklumat lanjut sila berhubung dengan pejabat-pejabat Pusat Khidmat Kontraktor (PKK) di seluruh Malaysia seperti maklumat berikut:-

BIL.	CAWANGAN	ALAMAT
1.	IBU PEJABAT	<p style="text-align: center;"> PENGARAH PUSAT KHIDMAT KONTRAKTOR KEMENTERIAN PEMBANGUNAN USAHAWAN & KOPERASI ARAS 5, BLOK MENARA, MENARA USAHAWAN NO. 18, PERSIARAN PERDANA, PRESINT 2 62652 PUTRAJAYA NO. TEL: 03-8880 5202 FAKS: 03-8880 5204 </p>
2.	PERLIS	<p style="text-align: center;"> PENGARAH NEGERI PUSAT KHIDMAT KONTRAKTOR CAWANGAN NEGERI PERLIS KEMENTERIAN PEMBANGUNAN USAHAWAN & KOPERASI TINGKAT 9, BANGUNAN PERSEKUTUAN PERSIARAN JUBLI EMAS 01000 KANGAR PERLIS NO. TEL: 04-976 9029/ 4364 </p>
3.	KEDAH	<p style="text-align: center;"> PENGARAH NEGERI PUSAT KHIDMAT KONTRAKTOR CAWANGAN NEGERI KEDAH KEMENTERIAN PEMBANGUNAN USAHAWAN & KOPERASI WISMA PERSEKUTUAN ARAS G, ZON C PUSAT PENTADBIRAN KERAJAAN PERSEKUTUAN ANAK BUKIT 06550 BANDAR MUZZAM SHAH KEDAH NO. TEL: 04-700 1425/ 1426 FAKS: 04-700 1427 </p>

BIL.	CAWANGAN	ALAMAT
4.	PULAU PINANG	PENGARAH NEGERI PUSAT KHIDMAT KONTRAKTOR CAWANGAN PULAU PINANG KEMENTERIAN PEMBANGUNAN USAHAWAN & KOPERASI TINGKAT 8, BANGUNAN PERSEKUTUAN 10400 GEORGETOWN PULAU PINANG NO. TEL: 04-227 8901/ 04-226 4600 NO. FAKS: 04-227 2500
5.	PERAK	PENGARAH NEGERI PUSAT KHIDMAT KONTRAKTOR CAWANGAN NEGERI PERAK KEMENTERIAN PEMBANGUNAN USAHAWAN & KOPERASI TINGKAT 3, BLOK A BANGUNAN PERSEKUTUAN JALAN DATO' SERI AHMAD SAID 30450 IPOH PERAK NO. TEL: 05-253 9529 FAKS: 05-254 0367
6.	SELANGOR	PENGARAH NEGERI PUSAT KHIDMAT KONTRAKTOR CAWANGAN NEGERI SELANGOR KEMENTERIAN PEMBANGUNAN USAHAWAN & KOPERASI TINGKAT 3, FASA III, KOMPLEKS PKNS 40000 SHAH ALAM SELANGOR NO. TEL: 03-5512 0130/ 0131 FAKS: 03-5519 0097
7.	WILAYAH PERSEKUTUAN	PENGARAH NEGERI PUSAT KHIDMAT KONTRAKTOR CAWANGAN WILAYAH PERSEKUTUAN KEMENTERIAN PEMBANGUNAN USAHAWAN & KOPERASI ARAS 5, BLOK PODIUM, MENARA USAHAWAN NO 18, PERSIARAN PERDANA, PRESINT 2 62652 PUTRAJAYA NO. TEL: 03-8880 5336/ 5338 FAKS : 03-8880 5339

BIL.	CAWANGAN	ALAMAT
8.	NEGERI SEMBILAN	PENGARAH NEGERI PUSAT KHIDMAT KONTRAKTOR CAWANGAN NEGERI SEMBILAN KEMENTERIAN PEMBANGUNAN USAHAWAN & KOPERASI TINGKAT 3, WISMA PERSEKUTUAN 70503 SEREMBAN NEGERI SEMBILAN NO. TEL: 06-765 1616 NO FAKS: 06-765 1618
9.	MELAKA	PENGARAH NEGERI PUSAT KHIDMAT KONTRAKTOR CAWANGAN NEGERI MELAKA KEMENTERIAN PEMBANGUNAN USAHAWAN & KOPERASI ARAS 2, WISMA PERSEKUTUAN JALAN BUSINESS CITY, HANG TUAH JAYA 75450 AYER KEROH MELAKA NO. TEL: 06-234 5100 FAKS: 06-234 5878
10.	JOHOR	PENGARAH NEGERI PUSAT KHIDMAT KONTRAKTOR CAWANGAN NEGERI JOHOR KEMENTERIAN PEMBANGUNAN USAHAWAN & KOPERASI TINGKAT 6, BLOK B, WISMA PERSEKUTUAN JALAN AIR MOLEK 80000 JOHOR BAHRU JOHOR DARUL TAKZIM NO. TEL: 07-221 3967/ 3945/ 07-223 8012 FAKS: 07-223 3839
11.	PAHANG	PENGARAH NEGERI PUSAT KHIDMAT KONTRAKTOR CAWANGAN NEGERI PAHANG KEMENTERIAN PEMBANGUNAN USAHAWAN & KOPERASI TINGKAT 9, WISMA PERSEKUTUAN, JALAN GAMBUT, 25000 KUANTAN PAHANG NO. TEL: 09-516 4081

BIL.	CAWANGAN	ALAMAT
12.	TERENGGANU	PENGARAH NEGERI PUSAT KHIDMAT KONTRAKTOR CAWANGAN NEGERI TERENGGANU KEMENTERIAN PEMBANGUNAN USAHAWAN DAN KOPERASI TINGKAT 1 DAN 3, WISMA PERSEKUTUAN JALAN SULTAN ISMAIL, 20200 KUALA TERENGGANU TERENGGANU NO.TEL: 09-623 2911 FAKS: 09-622 5651
13.	KELANTAN	PENGARAH NEGERI PUSAT KHIDMAT KONTRAKTOR CAWANGAN NEGERI KELANTAN KEMENTERIAN PEMBANGUNAN USAHAWAN & KOPERASI BLOK 226D & E, TINGKAT 1 DAN BAWAH WISMA SALMAH JALAN LANGGAR OFF JALAN SULTAN YAHYA PETRA 15200 KOTA BAHRU KELANTAN NO. TEL: 09-744 9223 NO. FAKS: 09-748 7353
14.	SABAH	PENGARAH NEGERI PUSAT KHIDMAT KONTRAKTOR CAWANGAN NEGERI SABAH KEMENTERIAN PEMBANGUNAN USAHAWAN & KOPERASI SUITE 5-04, 5TH FLOOR MENARA MAA, LORONG API-API 1, PETI SURAT 41 88000 KOTA KINABALU SABAH NO. TEL: 088-267 791 FAKS: 088-267 792
15.	SARAWAK	PENGARAH NEGERI PUSAT KHIDMAT KONTRAKTOR CAWANGAN NEGERI SARAWAK KEMENTERIAN PEMBANGUNAN USAHAWAN & KOPERASI TINGKAT 9, BANGUNAN SULTAN ISKANDAR JALAN SIMPANG TIGA 93592 KUCHING SARAWAK NO. TEL: 082-424 850 FAKS: 082-421 080